

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : Y.B TUAN HEE LOY SIAN**  
**KAWASAN : PETALING JAYA SELATAN**

**SOALAN:**

**Y.B TUAN HEE LOY SIAN (PETALING JAYA SELATAN) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan prestasi syarikat konsesi lebuh raya tol PLUS serta syarikat lain di sekitar Lembah Klang berdasarkan keuntungan yang diperoleh daripada hasil kutipan tol.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini terdapat 30 buah lebuh raya yang sedang beroperasi di seluruh negara ini di bawah kendalian 23 syarikat konsesi.

Jumlah kumulatif kutipan tol kesemua lebuh raya tersebut untuk tahun 2013 dan 2014 ialah masing-masing sebanyak RM5.4 bilion dan RM5.52 bilion. Walau bagaimanapun jumlah kutipan tol yang tinggi yang diterima oleh sesebuah syarikat konsesi itu tidak bermakna mereka mengaut keuntungan yang besar, sebaliknya ia perlu dibelanjakan untuk komitmen lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara purata syarikat konsesi perlu membayar balik pinjaman kepada institusi pemberi pinjaman atau bank sebanyak 50% daripada hasil kutipan tol yang diperoleh, operasi dan penyelenggaraan (20%), dan kos untuk membaik pulih dan menaik taraf lebuh raya (15% hingga 20%). Manakala hasil pulangan atau keuntungan kepada pemegang saham atau 'shareholders' ialah dianggarkan sebanyak 10% sahaja daripada hasil kutipan tol keseluruhan.

Maklumat mengenai jumlah keuntungan/kerugian kesemua lebuh raya bagi tahun 2013 dan 2014 (telah diaudit) ialah seperti di **lampiran**.

Sekian, terima kasih.

**LAMPIRAN**

**Jumlah keuntungan/kerugian kesemua lebuh raya bagi tahun 2013 dan 2014 (telah diaudit):**

| BIL. | LEBUH RAYA  | KEUNTUNGAN/<br>(KERUGIAN)<br>(RM JUTA)<br>TAHUN 2013 | KEUNTUNGAN/<br>(KERUGIAN)<br>(RM JUTA)<br>TAHUN 2014 |
|------|---|--|--|
| 1    | LEBUHRAYA UTARA SELATAN (PLUS)                      |  |  |
| 2    | LEBUHRAYA SEREMBAN PORT DICKSON (SPDH)              |  |  |
| 3    | LEBUHRAYA BUTTERWORTH-KULIM (BKE)                   |  |  |
| 4    | LEBUHRAYA LALUAN KEDUA MALAYSIA-SINGAPURA (LINKDUA) | 25.76  | 8.36   |
| 5    | JAMBATAN PULAU PINANG (PBSB)                        |  |  |
| 6    | LEBUHRAYA UTARA SELATAN HUBUNGAN TENGAH (ELITE)     |  |  |
| 7    | LEBUHRAYA KL-KARAK (KLK)                            |  |  |
| 8    | LEBUHRAYA PANTAI TIMUR (LPT)                        | (10.63)  | (11.69)  |
| 9    | LEBUHRAYA KUALA LUMPUR SEREMBAN (METRAMAC)          |  |  |
| 10   | LEBUHRAYA SHAH ALAM-KUANG (GUTHRIE)                 | 4.73   | 10.04  |
| 11   | LEBUHRAYA TINGKAT AMPANG-KUALA LUMPUR (AKLEH)       | 12.21  | 12.54  |
| 12   | LEBUHRAYA KEMUNING-SHAH ALAM (LKSA)                 | (52.32)  | (42.26)  |

| BIL. | LEBUH RAYA   | KEUNTUNGAN/<br>(KERUGIAN)<br>(RM JUTA) | KEUNTUNGAN/<br>(KERUGIAN)<br>(RM JUTA) |
|------|--|--|--|
|      |  | TAHUN 2013                             | TAHUN 2014                             |
| 13   | LEBUHRAYA SUNGAI BESI (BESRAYA)                    | 43.11                                  | 44.17                                  |
| 14   | LEBUHRAYA BARU PANTAI (NPE)                        | 31.90                                  | 38.19                                  |
| 15   | LEBUHRAYA KAJANG-SEREMBAN (LEKAS)                  | (76.84)                                | (162.08)                               |
| 16   | LEBUHRAYA DAMANSARA-PUCHONG (LDP)                  | 145.05                                 | 150.35                                 |
| 17   | LEBUHRAYA PENYURAIAN TRAFIK KL BARAT (SPRINT)      | (13.42)                                | (15.88)                                |
| 18   | PROJEK PENGURUSAN TEROWONG & BANJIR (SMART)        | (0.39)                                 | 1.78                                   |
| 19   | LEBUHRAYA CHERAS-KAJANG (GRANDSAGA)                | 40.07                                  | 37.07                                  |
| 20   | LEBUHRAYA SHAH ALAM (KESAS)                        | 160.97                                 | 119.21                                 |
| 21   | LEBUHRAYA DUTA ULU KELANG (DUKE)                   | * (137.58)                             | ** 128.49                              |
| 22   | LEBUHRAYA KL-PUTRAJAYA (MEX)                       | 28.55                                  | 31.30                                  |
| 23   | LEBUHRAYA SENAI-DESARU (SDE)                       | (483.35)                               | (262.60)                               |
| 24   | LEBUHRAYA SKIM PENYURAIAN LINGKARAN KAJANG (SILK)  | (36.55)                                | (39.91)                                |
| 25   | LEBUHRAYA LEMBAH KELANG SELATAN (SKVE)             | (73.26)                                | (115.30)                               |
| 26   | LEBUHRAYA PINTAS SELAT KLANG UTARA BARU (NNKSB)    | *** 9.62                               | (2.36)                                 |
| 27   | LEBUHRAYA LINGKARAN LUAR BUTTERWORTH (BORR)        | (34.88)                                | (17.69)                                |
| 28   | JAMBATAN SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH (JSAHMS) |  | **** (262.43)                          |
| 29   | LEBUHRAYA KL – KUALA SELANGOR (LATAR)              | (37.49)                                | (45.16)                                |

| BIL. | LEBUH RAYA   | KEUNTUNGAN/<br>(KERUGIAN)<br>(RM JUTA)<br>TAHUN 2013 | KEUNTUNGAN/<br>(KERUGIAN)<br>(RM JUTA)<br>TAHUN 2014 |
|------|--|--|--|
| 30   | LEBUHRAYA<br>PENYURAIAN TRAFIK<br>TIMUR JOHOR BAHRU<br>(EDL) |  | (12.69)  |

**Nota:**

- \* Tempoh kewangan berakhir bagi tahun 2013 ialah pada 30 Jun 2014 (1 Januari 2013 sehingga 30 Jun 2014).
- \*\* Tempoh kewangan berakhir bagi tahun 2014 ialah pada 30 Jun 2015 (30 Jun 2014 sehingga 30 Jun 2015).
- \*\*\* Data diperolehi daripada ‘Management Report’ Lebuhraya NNKSB memandangkan lebuh raya dalam proses likuidasi.
- \*\*\*\* Lebuh raya JSAHMS mula mengutip tol pada 1 April 2014 dan Lebuh raya EDL mula mengutip tol pada 1 Ogos 2014.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HEE LOY SIAN**  
[Petaling Jaya Selatan]

**SOALAN :**

**448. PR-1342-T74593**

**YB Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta PERDANA MENTERI menyatakan kadar pengangguran daripada kalangan graduan mengikut kaum sejak 2011 hingga 2015.**

**JAWAPAN : YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID BIN OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik pengangguran diperoleh daripada Penyiasatan Tenaga Buruh (PTB) dan merujuk kepada penduduk umur 15 hingga 64 tahun yang tidak bekerja semasa minggu rujukan. Soal selidik penyiasatan direka bentuk untuk mengumpul maklumat berkaitan penduduk isi rumah yang tinggal di tempat-tempat kediaman persendirian, meliputi peringkat Malaysia, negeri dan strata iaitu bandar dan luar bandar. Justeru, PTB bukanlah kajian khusus bagi siswazah yang dapat memberikan profil siswazah secara komprehensif terutama berkaitan dengan pengangguran. Maklumat siswazah daripada PTB hanya merupakan salah satu ciri isi rumah yang dikenal pasti melalui soalan berkaitan sijil tertinggi yang diperoleh.

Berdasarkan maklumat tersebut, bilangan dan kadar pengangguran siswazah mengikut tiga (3) kumpulan etnik utama di Malaysia, bagi tahun 2011 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 1**.

Sekian, terima kasih.

**Jadual 1: Kadar pengangguran siswazah mengikut kumpulan etnik utama, Malaysia, 2011 hingga 2015**

| Kumpulan Etnik                           | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 |
|--|------|------|------|------|------|
| <b><u>Bilangan penganggur ('000)</u></b> |      |      |      |      |      |
| Bumiputera                               | 55.5 | 50.4 | 65.1 | 75.9 | 76.5 |
| Cina                                     | 17.7 | 16.6 | 19.6 | 18.4 | 21.3 |
| India                                    | 7.1  | 6.1  | 5.6  | 9.2  | 9.7  |
| <b><u>Kadar pengangguran (%)</u></b>     |      |      |      |      |      |
| Bumiputera                               | 3.8  | 3.4  | 4    | 4.2  | 3.8  |
| Cina                                     | 2.6  | 2.4  | 2.8  | 2.4  | 2.5  |
| India                                    | 4.1  | 3.4  | 3    | 4.1  | 4.3  |

Sumber: Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia